

28 JUL 1997

Mahathir-Bidan

BIDAN JUMPA PEGAWAI TADBIR HOSPITAL YANG KINI JADI PERDANA MENTERI

LANGKAWI, 28 Julai (Bernama) -- Seorang pesara bidan, Rokiah Jaafar, 70, terharu apabila berjumpa dengan bekas ketuanya, Pegawai Pentadbiran Hospital Daerah Langkawi, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Rokiah berpeluang berjumpa dengan Dr Mahathir semasa Perdana Menteri melawat Pameran Foto Langkawi 10 tahun sebagai pulau bebas cukai di Kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), di sini.

"Lama sungguh kami tidak bertemu, kira-kira 40 tahun," katanya kepada pemberita selepas Dr Mahathir melihat gambar kenangannya (Dr Mahathir) dengan kakitangan Hospital Daerah Langkawi pada tahun 1957 turut dipamerkan pada pameran itu.

Gambar itu dirakamkan sehari sebelum Dr Mahathir menamatkan perkhidmatannya sebagai Pegawai Pentadbiran hospital itu.

Rokiah, dari Kampung Bukit Tekoh, mula bekerja di hospital itu pada tahun 1947 dan bersara 15 tahun lepas.

Seorang lagi, Haji Ibrahim Haji Ahmad, 73, dari Kampung Padang Lalang, Kuah turut gembira kerana dapat bertemu Dr Mahathir.

Beliau pernah menjadi tukang gunting rambut bagi Dr Mahathir semasa bertugas di Hospital Daerah Langkawi.

Haji Ibrahim juga pernah menggunting rambut bekas Perdana Menteri Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj. -- BERNAMA

ZI AKD